



24 OCT, 2022

Bina pusat kumpul, eksport pisang saba di KKIP

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Bina pusat kumpul, eksport pisang saba di KKIP

"Potensi pisang saba amat besar. Sebelum pandemik Covid-19 melanda, eksport pisang ini ke Semenanjung bernilai RM30 juta setahun. Di Sabah sahaja, kita (FAMA) mendapat 10 pengeksport yang bergiat aktif mengambil bekalan pisang di seluruh negeri untuk dihantar ke Semenanjung."
-Datuk Zainal Abidin Yang Razalli

TELUPID: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedang membina sebuah pusat pengumpulan dan pengeksportan pisang saba di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) yang dijangka siap pada pertengahan tahun depan.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli (gambar) berkata, pembinaan pusat bernilai kira-kira RM750,000 itu akan membolehkan kontena dan bilik sejuk diletakkan di pusat itu untuk membersihkan dan membungkus pisang yang dikumpul sebelum dieksport melalui kontena laut.

"Potensi pisang saba amat

besar. Sebelum pandemik Covid-19 melanda, eksport pisang ini ke Semenanjung bernilai RM30 juta setahun. Di Sabah sahaja, kita (FAMA) mendapat 10 pengeksport yang bergiat aktif mengambil bekalan pisang di seluruh negeri untuk dihantar ke Semenanjung," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Semarak Tani Keluarga Malaysia yang dirasmikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee di sini kelmarin.

Pada majlis itu, Ronald turut menyaksikan majlis menanda-



FAMA sedang membina pusat pengumpulan dan pengeksportan pisang saba KKIP.

tangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara FAMA dengan syarikat pengeksport pisang saba.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, pembinaan pusat itu yang turut digabungkan dengan pusat pemrosesan buah-buahan di KKIP akan menjadi pusat sehati untuk mengumpul dan mengeksport buah-buahan di Sabah.

Beliau berkata, FAMA juga akan berusaha supaya pusat pemrosesan buah-buahan berkenaan mendapat akreditasi untuk mengeksport durian klon musang king yang diproses menjadi pes ke China.

Pada peringkat awal, beliau berkata usaha itu akan dimulakan dengan menghantar pes durian ke Semenanjung.

Dalam perkembangan ber-

kaitan, Zainal Abidin berkata sebuah pusat pengumpulan dan penjualan hasil pertanian di sini akan dibina bagi menggantikan pusat sedia ada di Kampung Wonod dekat sini.

Beliau berkata tapak pusat baharu itu telah dikenal pasti dengan pembinaannya dijangka dilaksanakan pada awal tahun depan dengan kos kira-kira RM150,000. - Bernama



24 OCT, 2022

Bina pusat kumpul, eksport pisang saba di KKIP

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

"Potensi pisang saba amat besar. Sebelum pandemik Covid-19 melanda, eksport pisang ini ke Semenanjung bernilai RM30 juta setahun. Di Sabah sahaja, kita (FAMA) mendapat 10 pengeksport yang bergiat aktif mengambil bekalan pisang ^di seluruh negeri untuk dihantar ke Semenanjung." -Datuk Zainal Abidin Yang Razalli

TELUPID: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedang membina sebuah pusat pengumpulan dan pengeksportan pisang saba di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) yang dijangka siap pada pertengahan tahun depan.